

Penuntut UTHM wakil Malaysia ke Rusia tahun 2014



ANTARA pemenang Pertandingan Penciptaan Perisian dan Teknologi Imagine Cup Malaysia 2013 di Resort World Langkawi, Kedah, baru-baru ini.

JOHOR BAHRU 12 Jun - Alat kawalan jauh untuk mengawal suis elektrik yang dicipta oleh empat penuntut Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dinobatkan sebagai juara Pertandingan Penciptaan Perisian dan Teknologi Imagine Cup Malaysia 2013 yang diadakan di Resort World Langkawi, Kedah baru-baru ini.

Kecanggihan produk yang membolehkan pengguna mengawal suis rumah melalui internet itu memberikan tuah kepada pasukan berkenaan yang menggelar diri sebagai pasukan 'Triton', sekali gus mengalahkan dua pasukan lain dan membawa pulang hadiah RM10,000 beserta trofi.

Dengan kemenangan itu, Triton yang dibarisi oleh Muhammad Syamil Aiman A. Aziz, 22; Siti Salwani Yaacob, 22; Muhamad Faqih Roslan, 21, dan Mohamad Fadhil Jalani, 21, akan mewakili Malaysia ke pertandingan akhir peringkat an-

tarabangsa di St. Petersburg, Rusia tahun depan.

Ketua kumpulan Triton, Muhammad Syamil berkata, pengguna hanya perlu memasang produk tersebut di mana-mana suis di rumah dan mengawalinya melalui internet.

"Produk itu dicipta menggunakan pakai konsep teknologi hijau dan khusus bagi pengguna yang sering lupa untuk mematikan suis selepas menggunakannya, sekali gus mampu menjimatkan elektrik.

"Kami mengambil masa lebih kurang setahun untuk membuat kajian terperinci, selain membuat perbandingan dengan produk-produk lain yang ada dalam pasaran. Alhamdulillah, kini semuanya terbalas dan misi kami seterusnya untuk menjulang bendera Malaysia di Rusia dalam pertandingan yang sama tahun depan," katanya.

Sementara itu pasukan G'Adore dengan produk 'DiabeStyle' dan

4GM dengan produk 'Trashpoint', masing-masing memenangi tempat kedua dan ketiga, sekali gus membawa pulang hadiah RM5,000 dan RM2,500.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof. Morshidi Sirat.

Imagine Cup Malaysia merupakan pertandingan teknologi melibatkan penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) yang diadakan setiap tahun bagi memilih wakil Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Pertandingan tahunan itu merupakan platform untuk melahirkan penuntut yang matang dari segi kebolehan mencipta, meneroka idea baharu serta mengembangkan hasil inovasi ke peringkat yang lebih tinggi.

Pada penganjuran kali ini, sebanyak 21 pasukan yang mewakili IPT awam dan swasta dari seluruh negara mengambil bahagian.